

Orang ramai kini nikmati perjalanan lebih singkat 4 jam 45 minit dari KL ke Perlis

ETS KL-Padang Besar mula hari ini

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA

KUALA KANGSAR - Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di antara Kuala Lumpur dan Padang Besar di Perlis yang memakan masa cuma 4 jam 45 minit memulakan operasi hari ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, buat permulaan perkhidmatan ETS tersebut dengan kelajuan 140 kilometer sejam dilakukan sebanyak dua kali sehari iaitu satu perjalanan dari KL-Padang Besar dan satu perjalanan dari Padang Besar-KL.

Katanya, ETS yang akan melalui 28 buah stesen sepanjang 508 kilometer perjalanannya mempunyai enam gerabak dengan kapasiti 312 penumpang bagi satu perjalanan.

"Sempena Aidilfitri yang bakal disambut minggu depan, saya telah mengarahkan KTMB untuk beri perkhidmatan bagi laluan tersebut (KL-Padang Besar). Kita boleh mula esok (hari ini) kerana telah dapat kelulusan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

"Kita menjangka perkhidmatan ini akan mendapat sambutan orang ramai sepanjang Aidilfitri ini sahaja bakal membawa 3,000 penumpang."



PERKHIDMATAN ETS akan memulakan operasinya hari ini di antara Kuala Lumpur-Padang Besar yang hanya mengambil masa 4 jam 45 minit.



TIONG LAI (duduk di kiri) dan Nawawi (berdiri di kanan) menunjukkan tanda bagus ketika menaiki tren ETS semasa lawatan kerja di Stesen Kereta Api Batu Gajah, Ipoh semalam.



KEADAAN Lebuhraya Utara Selatan di Ipoh, Perak yang sesak dengan kenderaan menjelang sambutan perayaan Aidilfitri tahun lalu.

katanya di sini semalam.

Terdahulu, dalam program lawatan kerja beliau ke Batu Gajah, Tiong Lai bersama pegawai Kementerian Pengangkutan, KTMB, SPAD dan media dibawa menaiki tren baharu ETS dari Stesen Kereta Api Batu Gajah ke Kuala Kangsar.

Turut hadir Pengerusi KTMB, Datuk Ir. Nawawi Ahmad.

Tambah Tiong Lai, dengan harga tiket sebanyak 13 sen bagi setiap kilometer, tambang bagi laluan penuh KL-Padang Besar ialah RM81 atau bagi Ipoh-Butterworth RM22.50.

Pengenalan perkhidmatan ETS dijangka memberi cabaran kepada penyedia lebuhraya kerana pengguna yang mengambil masa sehingga lapan jam ke Perlis dengan kadar tol mencecah RM56.30.



INFO ETS (KL-Padang Besar)

- Projek landasan berkembar elektrik Ipoh-Padang Besar bermula pada 2008 bernilai kira-kira RM13 bilion.
- Tempoh perjalanan 4 jam 45 minit berbanding kira-kira 12 jam menerusi perkhidmatan lokomotif diesel.
- Perkhidmatan ETS dari Ipoh ke Kuala Lumpur sudah pun dimulakan sejak tahun 2010.

INFO Perbezaan caj ETS dan lebuhraya bertol

- ETS: Jarak perjalanan KL ke Padang Besar sejauh 508 kilometer. Tiket RM81.
- Lebuhraya Utara-Selatan: Jarak Plaza Tol Duta, KL ke Hutan Kampung, Kedah 437 kilometer. Tol RM56.30. Harga ini tidak termasuk minyak petrol RON95 yang dianggarkan sekitar RM80.

Dari Kedah ke Padang Besar menggunakan jalan biasa tanpa tol sejauh 70 kilometer.

INFO Tempoh perjalanan KL-Perlis

Jenis kenderaan	Tempoh
- Kereta	7-8 jam
- Bas	8 jam
- Kereta api	12 jam
- ETS	4 jam 45 minit

INFO Tiket

- Tiket ETS boleh dibeli di kaunter KTMB atau melalui laman web www.ktmb.com.my.

- Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi talian bebas tol 1300-88-5862.